

## TONE WOW LINDUNG

TONE WOW LINDUNG oleh TONE WOW Sdn Bhd (TONE WOW) menggabungkan kedua-dua perlindungan insurans hayat dan insurans am di dalam satu pelan tunggal. Untuk melanggan TONE WOW LINDUNG, ahli perlu membeli Pek Permulaan TONE WOW LINDUNG pada harga RM30, dilengkapi dengan perlindungan insurans hayat sebanyak RM4,000 untuk semua sebab kematian & RM8,000 untuk kematian akibat penyakit tertentu tanpa sebarang kos tambahan. Pek Permulaan TONE WOW LINDUNG juga menawarkan data berkelajuan tinggi 3GB, 30 minit panggilan suara luar talian dan panggilan suara dalam talian tanpa had dengan tempoh sah selama 30 hari. Tawaran ini adalah bagi pendaftaran baharu ahli TONE WOW.

Bagi semua ahli TONE WOW yang aktif, pelan ini boleh diperbaharui pada setiap bulan dengan membuat pembelian pelan harga serendah RM20 hingga RM80, termasuk perlindungan insurans hayat tanpa kos tambahan seperti Jadual A di bawah.

### Jadual A

Kategori	PELAN DATA TONE WOW LINDUNG				PERLINDUNGAN HAYAT MERCHANTRADE INSURE (MINSURE)	
	Harga	Jumlah GB	GB/Bulan	# Bulan	Sebarang kematian	Kematian akibat penyakit tertentu
A	RM20	6	2	3	RM4,000	RM8,000
B	RM30	12	2	6	RM8,000	RM16,000
C	RM50	18	2	9	RM12,000	RM24,000
D	RM60	24	2	12	RM16,000	RM32,000
E	RM80	48	4	12	RM20,000	RM40,000

### **1. SYARAT KELAYAKAN**

- i. Mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun (tahun lahir);
- ii. Mesti mendapatkan Pek Permulaan TONE WOW LINDUNG bermula dari 6 Julai 2022;
- iii. Mesti mengekalkan talian Tone Wow secara aktif (boleh membuat dan menerima panggilan) sepanjang tempoh 12 bulan dari tarikh pembelian; dan
- iv. Mesti memberikan butiran penama atau waris yang lengkap.
- v. Mesti bukan Warganegara Myanmar/Burmese.
- vi. Tidak mempunyai sebarang penyakit serius yang sedia ada atau kecederaan serius.

Ahli-ahli yang memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam seksyen 1(i), (ii), (iii), (iv), (v) dan (vi) ini dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak".

TONE WOW adalah bebas untuk membuat perubahan kepada Syarat Kelayakan dalam seksyen 1 ini,

dari semasa ke semasa, tanpa notis awal kepada Ahli Tone Wow.

## 2. PERLINDUNGAN INSURANS HAYAT

2.1. Pelan Merchantrade Insure Life (Insurans Hayat) ialah produk Merchantrade Asia Sdn Bhd (MTA) yang dijamin oleh MCIS INSURANCE BERHAD (MCIS). Insurans Hayat ini adalah pendaftaran automatik jika semua keperluan dalam bahagian 1(i), (ii), (iii) dan (iv) dipenuhi

2.2. Selepas pengaktifan kad SIM di bawah TONEWOW LINDUNG dan/atau tambah nilai pelan data kad SIM, MTA akan memproses permohonan ahli untuk perlindungan Insurans Hayat. Bagi tujuan ini, ahli TONE WOW LINDUNG dengan ini:

- i. bersetuju dan membenarkan TONEWOW untuk berkongsi maklumat yang berkenaan kepada MTA dan MCIS; dan
- ii. bersetuju untuk menerima sebarang maklumat dan notifikasi daripada MTA.

2.3. Perlindungan Insurans Hayat PERCUMA akan berkuat kuasa dalam masa 24 jam selepas pengaktifan SIM TONE WOW LINDUNG atau Pelan Data TONE WOW LINDUNG telah berjaya.

2.4. Ahli TONE WOW akan menerima satu (1) SMS daripada Merchantrade Asia Sdn Bhd dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas Insurans Hayat PERCUMA telah berjaya diterima.

2.5. Selepas permohonan MTA diluluskan, Ahli TONE WOW LINDUNG akan menikmati perlindungan Insurans Hayat dan layak menjadi pemegang polisi secara langsung dengan MTA dan MCIS. Manfaat, pengecualian, terma dan syarat perlindungan Insurans Hayat dan am tertakluk kepada terma dan syarat yang dikemas kini dari semasa ke semasa. Dokumen boleh didapati seperti butiran di bawah:-

Terma dan Syarat ini boleh diubah suai tanpa sebarang notis awal dan tertakluk kepada :

a. Dasar polisi

([https://www.tonewow.net/sites/default/files/downloads/Life%20Insurance%20Policy%20Wordin%20g\\_EN.pdf](https://www.tonewow.net/sites/default/files/downloads/Life%20Insurance%20Policy%20Wordin%20g_EN.pdf))

b. Lampiran produk

([https://www.tonewow.net/sites/default/files/downloads/Life%20Insurance%20Product%20Disclosure%20Sheet\\_EN.pdf](https://www.tonewow.net/sites/default/files/downloads/Life%20Insurance%20Product%20Disclosure%20Sheet_EN.pdf))

2.6. Ahli TONE WOW yang berjaya mendapat Insurans Hayat PERCUMA tidak akan layak untuk tuntutan Khairat Kematian. Untuk maklumat lanjut bagi terma dan syarat di [https://www.tonewow.net/en/benefits/khairat\\_kematian](https://www.tonewow.net/en/benefits/khairat_kematian)

2.7. Setiap ahli TONE WOW (mengikut NRIC/ Passport) layak mendapat SATU (1) Perlindungan Insurans Hayat PERCUMA dengan perlindungan maksima sebanyak RM20,000.


2.8. Tempoh tuntutan Insurans Hayat PERCUMA adalah dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tarikh kematian.

2.9. Ahli TONE WOW boleh melayari laman web <https://mtradeasia.com/insure/claims/> untuk memuat turun dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan Insurans Hayat PERCUMA dan e-melkan ke

[MI\\_claims@mtradeasia.com](mailto:MI_claims@mtradeasia.com)

### 3. PROSES PENAMA

- 3.1. Borang Penama adalah wajib untuk tujuan penamaan. Hanya Pemegang polisi sahaja boleh membuat penamaan.
- 3.2. Pemegang polisi boleh membuat penamaan bila-bila masa selagi polisi masih aktif.
- 3.3. Tuntutan akan HANYA dibayar kepada penama seperti yang dinyatakan didalam borang penama.
- 3.4. Sekiranya berlaku sebarang keadaan kepada pemegang polisi, tetapi tiada penamaan dibuat oleh pemegang polisi, MTA HANYA akan membayar bayaran tuntutan kepada waris pemegang polisi dengan dokumen sokongan tambahan (Perkahwinan/Sijil Lahir) untuk membuktikan hubungan antara pemegang polisi dan waris.
- 3.5. Saksi dan penama yang diisi didalam borang penama tidak boleh orang yang sama.
- 3.6. Proses penyerahan borang penama adalah seperti dibawah:



### 4. Kepentingan Pendedahan

Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti butiran peribadi dan sebarang keadaan perubahan yang anda lengkap. Kegagalan untuk memberitahu kami tentang semua fakta material dan keadaan perubahan boleh menyebabkan tuntutan ditolak atau perlindungan ditarik balik.

5. Ahli TONE WOW boleh menghubungi Merchantrade Asia Sdn Bhd di 03-83138606 (9.00am-10.00pm setiap hari) atau e-mel [MI\\_enquiries@mtradeasia.com](mailto:MI_enquiries@mtradeasia.com) untuk sebarang pertanyaan berkaitan Insurans Hayat PERCUMA

5.1. Ahli TONE WOW bersetuju untuk tidak mencabar atau mempertikaikan sebarang tindakan atau keputusan yang diambil oleh TONE WOW, Merchantrade Asia dan/atau MCIS, mengikut terma dan syarat. TONE WOW, MTI dan/atau MCIS mempunyai hak dan kata putus untuk meneruskan atau menamatkan Insurans Hayat PERCUMA dengan atau tanpa persetujuan daripada ahli TONE WOW

5.2. TONE WOW boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Pembekal Insurans lain untuk menggantikan perkhidmatan MTI dan/atau MCIS yang diberikan kepada Ahli TONE WOW.

5.3. Ahli TONE WOW boleh log masuk ke <https://www.tonewow.net/twmain/> selepas tujuh (7) hari bekerja untuk menyemak butiran Insurans Hayat PERCUMA.

5.4. Sekiranya Insurans Hayat PERCUMA ahli TONE WOW gagal diterima oleh Merchantrade Asia Sdn

Bhd dan/atau MCIS Insurance Berhad, atas apa jua sebab, dan jika kelayakan adalah melalui:

a) Pek Permulaan TONE WOW LINDUNG, Ahli TONE WOW akan diberi pampasan dengan:

- i. RM15.00\* Tambah Nilai (RM5.00 X 3 Bulan)
- ii. 6GB Data mudah alih berkelajuan tinggi (2GB X 3 Bulan)

\* Tidak layak untuk sebarang insentif

b) Pelan data TONE WOW LINDUNG :

i. Pembayaran balik Pelan Data Tone Wow Lindung akan dibuat dalam masa 14 hari waktu bekerja

a) Berhak mendapat manfaat Khairat Kematian (Rujuk Terma dan Syarat No. 2.6)

5.5. Sekiranya berlaku percanggahan antara terma dan syarat yang dinyatakan dalam versi Bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Penafian:

TONE WOW Sdn Bhd bekerjasama dengan Merchantrade Asia Sdn Bhd untuk menyediakan Insurans Hayat PERCUMA yang dijamin oleh MCIS Insurance Berhad. Walau apa pun TONE WOW Sdn Bhd, Merchantrade Asia Sdn Bhd, MCIS Insurance Berhad dan pegawai, pengarah, pekerja, ahli, pemegang saham, peguam, wakil dan ejen masing-masing (secara kolektif "Wakil"), tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau sebarang jenis kerugian, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi langsung, tidak langsung, sampingan, khas atau hukuman yang timbul daripada penyertaan anda.

#### PELAN DATA TONE WOW LINDUNG

6. All TONE WOW mestilah berada dalam status AKTIF pada setiap masa (boleh membuat panggilan dan menerima panggilan) untuk menerima peruntukan data.

7. Ahli TONE WOW yang TIDAK BERstatus AKTIF (Dihalang, Digantung atau Tamat Tempoh) tidak akan menerima peruntukan data, dan peruntukan data untuk tempoh tersebut akan dibatalkan.

Tahun 2023	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jumlah data	Insurans b
Status Ahli	AC	AC	AC	BAR	AC	AC	AC	AC	AC	AC	AC	AC		
Data Diperuntukan	4GB	4GB	4GB	X	4GB	4GB	4GB	4GB	4GB	4GB	4GB	4GB	44GB	
Status Insuran	✓	✓	✓	XX	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		11 ulan

AC

BAR = Barred / Disekat

---

= Active / Aktif

X = Data  
Ditamatkan

✓ = Insuran diterima

XX = Insurans tidak diterima

## TAKAFUL KEMALANGAN DIRI

- 1 Perlindungan Takaful Kemalangan Diri PERCUMA tertakluk kepada penerimaan oleh Solution Risk Consultants Sdn Bhd (SOLUTIONRISK) dan tertakluk kepada terma dan syarat. Takaful ini ditaja jamin oleh ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA Berhad (ZURICH)
- 2 TONE WOW, SOLUTIONRISK and/or ZURICH mempunyai hak untuk meluluskan atau menolak Takaful Kemalangan Diri.
- 3 Ahli TONE WOW yang aktif, warganegara Malaysia dan Bukan Malaysia dengan pasport yang sah dan/atau permit kerja yang sah, berumur antara 12 hingga 75 tahun (mengikut tarikh lahir) layak mendapat Takaful Kemalangan Diri PERCUMA, tertakluk kepada :
  - a) Jumlah tambah nilai bulanan sebanyak RM 30 dan ke atas melalui saluran tambah nilai TONE WOW atau RM 50 dan ke atas melalui saluran tambah nilai selain TONE WOW.
  - b) Maklumat serta butiran penama/waris telah lengkap dalam Sistem Pengurusan Keahlian TONE WOW (TWMMS) ; dan
  - c) Menggunakan SIM kad TONE WOW atau SIM kad ganti TONE WOW.
- 4 Pengecualian (Diguna pakai Seluruh Sijil)  
Kami tidak akan bertanggungjawab untuk tuntutan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau yang berpunca daripada:
  - a) Perkhidmatan atau operasi angkatan tentera, tentera laut atau udara;
  - b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain meluncur
- 5 Pekerjaan termasuk tetapi tidak terhad ke;  
Penyelam, Askar/Tentera dan Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang, Penguji Pesawat, Juruterbang dan Kru Penerbangan, Kelasi dan Nelayan Laut, Pemandu Kereta Lumba, Joki, Pekerja Pelantar Minyak, Penggergaji Balak dan Pekerja Pembalakan, Ahli Bomba, Wartawan Perang, Tukang Menara, Pemunggah Kargo, Orang yang Terlibat dalam Pemusnahan Bangunan, Orang yang terlibat dalam Perkhidmatan Ambulans, Pakar Mesin Pertukangan Kayu, Pengendali Bahan Letupan, Membina Terowong dan Melombong Di Bawah Tanah dan Kegiatan Sukan Profesional.
- 6 Saluran tambah nilai TONE WOW adalah seperti TONE WOW WOWlet, Aplikasi Mudah Alih myWOW, Kaunter TONE WOW dan Laman Web TONE WOW.
- 7 Takaful kemalangan diri PERCUMA diperbaharui setiap bulan untuk Ahli TONE WOW yang berada dalam status AKTIF (boleh membuat panggilan dan menerima panggilan) sahaja dan memenuhi syarat tambah nilai dan maklumat waris/penama seperti di atas.
- 8 Takaful Kemalangan Diri PERCUMA akan dikuatkuasakan pada bulan berikutnya setelah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam perkara 8.

**Contoh:**

Ahli TONE WOW mempunyai jumlah tambah nilai bulanan sebanyak RM 50 pada April 2022, sekali gus memenuhi kelayakan Kemalangan Diri PERCUMA. Kemalangan diri PERCUMA akan diberikan pada Mei 2022.

- 9 Satu (1) ID Ahli TONE WOW layak mendapat satu (1) sijil Takaful Kemalangan Diri PERCUMA sahaja.
- 10 Langkah serta prosedur tuntutan Takaful Kemalangan Diri PERCUMA adalah seperti berikut:
  - a. Notis bertulis di hantar melalui e-mel ke [support@tonewow.net](mailto:support@tonewow.net)
  - b. Salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
    - i. Salinan sijil kematian (untuk tuntutan kematian)
    - ii. Salinan laporan bedah siasat (untuk tuntutan kematian)
    - iii. Salinan kad pengenalan waris/penama dan bukti hubungan
    - iv. Laporan pakar perubatan dan penilaian hilang upaya dilakukan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh kemalangan (untuk tuntutan kemalangan diri)
    - v. Salinan laporan polis berhubung dakwaan kemalangan
    - vi. Laporan perubatan atau sebarang dokumen lain untuk menyokong tuntutan
    - vii. Salinan kad pengenalan dan lesen memandu / Si mati (Untuk kemalangan kenderaan bermotor)
  - c. Semua dokumen PERLU dihantar dalam masa 90 hari dari tarikh kematian. Jika gagal berbuat demikian, permohonan tuntutan tidak boleh diproses.
  - d. Dibuat oleh wakil/penama yang dinyatakan oleh ahli dalam Sistem Pengurusan Ahli TONE WOW (TWMMS) jika permintaan adalah di bawah tuntutan kematian.
  - e. Dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut mengakibatkan kematian atau hilang upaya.
  - f. Zurich General Takaful Malaysia Berhad akan memproses tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja tertakluk kepada dokumen lengkap diterima.
  - g. Selepas sijil disahkan, Zurich General Takaful Malaysia Berhad akan mengeluarkan bayaran dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. (Tertakluk kepada Terma dan Syarat Zurich General Takaful Malaysia Berhad)
  - h. Kaedah Pembayaran adalah melalui Perbankan Internet.
  - i. Sekiranya pekerja asing yang tidak mempunyai akaun bank yang sah di Malaysia, pembayaran akan dibuat melalui kaedah Telegraphic Transfer (TT).
- 11 SOLUTIONRISK dan/atau ZURICH mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak penyerahan tuntutan Takaful Kemalangan Diri PERCUMA.
- 12 Polisi mungkin terbatal sekiranya berlaku kesalahan yang nyata, kesalahan huraian, kesilapan, peninggalan atau kesalahan fakta oleh ahli, yang ahli tahu atau sepatutnya tahu sebagai tidak benar, mengelirukan atau tidak relevan atau yang mungkin telah mempengaruhi penghakiman mana-mana pihak insurans/ pengendali takaful yang berhemat.
- 13 Ahli TONE WOW yang dilindungi oleh Takaful Kemalangan Diri PERCUMA tidak akan layak untuk tuntutan Khairat Kematian. Untuk maklumat lanjut dan Terma dan syarat di [https://www.tonewow.net/en/benefits/khairat\\_kematian](https://www.tonewow.net/en/benefits/khairat_kematian).
- 14 Ahli TONE WOW yang layak Takaful Kemalangan Diri PERCUMA tetapi tidak melengkapkan maklumat pewaris dalam TWMMS <https://www.tonewow.net/twmain/>, tidak layak untuk tuntutan Khairat Kematian atau Takaful Kemalangan Diri PERCUMA.

- 15 Maklumat pewaris perlu dilengkapkan sebelum tarikh kemalangan/kematian untuk menuntut Takaful Kemalangan Diri PERCUMA atau Khairat Kematian. Gagal dipenuhi, sebarang tuntutan akan ditolak serta merta.
- 16 Untuk pertanyaan mengenai Kemalangan Diri PERCUMA, Ahli TONE WOW boleh menghubungi Khidmat Pelanggan TONE WOW melalui panggilan di 01159000969 atau 01159009969 (8 pagi – 10 malam setiap hari) atau melalui Whatsapp di 0105129768 (9 pagi – 7 malam setiap hari)
- 17 TONE WOW Sdn Bhd mempunyai hak untuk menukar perkhidmatan kepada Pembekal Insurans/ Pengendali Takaful lain untuk menggantikan SOLUTIONRISK dan/atau perkhidmatan ZURICH yang diberikan kepada Ahli TONE WOW dalam Takaful Kemalangan Diri PERCUMA pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.
- 18 Ahli TONE WOW bersetuju bahawa mereka tidak akan mencabar atau mempertikaikan sebarang tindakan atau keputusan yang diambil oleh TONE WOW, SOLUTIONRISK dan ZURICH, menurut terma dan syarat ini. TONE WOW, SOLUTIONRISK dan ZURICH mempunyai hak untuk meneruskan atau menamatkan kontrak sewajarnya dengan atau tanpa persetujuan daripada ahli TONE WOW.
- 19 Terma dan Syarat tertakluk kepada sijil utama dan boleh dipinda tanpa sebarang notis [https://www.tonewow.net/sites/default/files/downloads/GT GPA PW BI BM Final 20201224.pdf](https://www.tonewow.net/sites/default/files/downloads/GT_GPA_PW_BI_BM_Final_20201224.pdf)
- 20 Sekiranya berlaku percanggahan, konflik atau percanggahan antara terma dan syarat yang dinyatakan dalam versi Bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris akan diutamakan.

Penafian:

TONE WOW SDN BHD bekerjasama dengan Solution Risk Consultants Sdn Bhd dan peranan Solution semata-mata sebagai pengedar Takaful Kemalangan Diri yang dijamin oleh ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD. Walau apa pun, Solution dan pegawai, pengarah, pekerja, ahli, pemegang saham, peguam, wakil dan ejen masing-masing (secara kolektif "Wakil"), tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian dalam apa jua bentuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengarahkan, ganti rugi tidak langsung, sampingan, khas atau punitif yang timbul daripada penyertaan anda.